

Sufisme (*Sufism*) dan Ahli Sufi (*The Sufis*) Menurut Inayat Khan (1882-1927)

NOZIRA BINTI SALLEH¹ & FAUDZINAIM BIN HJ. BADARUDDIN²

Abstrak

Ajaran *Universal Sufism* adalah ajaran kerohanian sejagat yang mencampuradukkan pelbagai doktrin, amalan dan elemen daripada agama-agama utama dunia. Antara elemen yang banyak diambil daripada agama Islam ialah penggunaan istilah yang lazim dan rasminya diguna pakai oleh umat Islam untuk merujuk kepada hal ehwal agama Islam secara umumnya dan Tasawuf Islam secara khususnya. Istilah *sufism* (sufisme) dan *the Sufis* (ahli sufi) antara perkataan Tasawuf Islam yang telah digunakan dalam ajaran ini terutama apabila istilah *sufism* diletakkan pada nama ajarannya; *Universal Sufism*. Begitu juga dengan Tasawuf Islam atau dalam Bahasa Inggerisnya dikenali sebagai *Islamic Sufism* yang tetap diguna pakai kepada ilmu kerohanian Islam secara sah. Ini bermakna, ajaran Inayat Khan dan ilmu kerohanian Islam mengguna pakai pengenalan yang sama iaitu *Sufism* atau tasawuf pada panggilan dan gelarannya walaupun ianya mempunyai maksud dan kefahaman yang berbeza. Oleh sebab itu, artikel ini cuba menerokai dan mengkaji makna dan penjelasan yang diberikan oleh Inayat Khan tentang kedua-dua istilah tersebut. Di samping itu, penjelasan Inayat Khan itu juga turut dibandingkan dengan Tasawuf Islam daripada sudut pendapat ulama-ulama muktabar seperti Imam al-Ghazali dan al-Tusi, yang mana pendapat mereka mengenainya telah diterima oleh umat Islam sejak sekian lama. Kajian ini mengguna kaedah kajian kepustakaan sahaja dengan menganalisis buku dan artikel yang berkaitan dengan tajuk. Hasil kajian mendapati bahawa konsep sufisme dan ahli Sufi menurut Inayat Khan adalah di bawah skop kesejagatan dan kebebasan spiritualiti, yang mana ia secara jelasnya berbeza dengan Tasawuf Islam.

Pendahuluan

Universal Sufism telah diperkenalkan oleh Inayat Khan pada tahun 1910 di Barat, merupakan satu ajaran kerohanian yang tidak mempunyai sebarang ikatan dan batasan, malah ia mempunyai setiap elemen tertentu daripada semua agama dan kepercayaan yang ada di dunia ini. Oleh sebab itu, ajaran tersebut juga dikenali sebagai ajaran perpaduan, kebebasan spiritualiti, cinta, harmoni dan kecantikan (Inayat Khan 1973, jil.1). Menurut Ron Geaves (2004), *Universal Sufism* adalah satu ajaran yang memberi penekanan kepada unsur kerohanian Islam, walaupun ia juga mempunyai unsur kerohanian daripada agama Hindu, Buddha, Kristian dan tradisi Gnostik³. Ini bermakna, Geaves melihatnya sebagai satu ajaran yang tidak mengandungi kandungan Islam secara total, tetapi diterima sebagai satu percambahan budaya bersejarah kepada mesej universal dan abadi, terutama mengenai hubungan manusia dengan Tuhan. Selain itu, G.Klinkhammer (2009) menyatakannya pula sebagai satu ajaran kerohanian moden di Barat yang mana ia adalah satu ajaran kerohanian sejagat yang telah terpisah daripada Islam. Seterusnya, Witteveen (1997)

¹ Pensyarah Kanan (Ph.D), Pusat Akidah dan Keamanan Global, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Email: aziera@ukm.edu.my

² Prof. Madya (Ph.D), Pusat Akidah dan Keamanan Global, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Email: fnaim@ukm.edu.my

³ Satu kumpulan agama yang mencari ilmu kerohanian yang tersembunyi (Drury, 2005, hlm.52).

mendefinisikan ajaran *Universal Sufism* ini sebagai satu ajaran yang menyatukan aspek kerohanian daripada semua agama yang ada di dunia ini dan ia juga adalah ajaran yang menghubungkan antara sains, falsafah, mistisisme dan agama. Kemudian, Gisela Webb (2006) juga menyatakan bahawa *Universal Sufism* adalah ajaran Inayat Khan yang berasaskan kepada intipati daripada semua agama dan juga menggabungkan elemen-elemen daripada tarekat *Chistiyyah*, falsafah India daripada kitab Vedanta serta *Wahdat al-Wujūd*, yang mana ia bertujuan untuk memupuk kepada persaudaraan sejagat, kasih sayang dan keamanan. Maka, ajaran *Universal Sufism* merupakan ajaran kerohanian sejagat yang meraikan dan menghubungkan semua agama utama dunia dan juga semua elemen kehidupan manusia.

Lantaran ajaran Inayat Khan yang berkonsepkan sejagat itu, maka penggunaan istilah-istilah tertentu seperti *sufism* dan *the Sufis* olehnya, yang lazimnya difahami oleh umat Islam sejak zaman berzaman adalah milik sah kepada kerohanian Islam, maka situasi ini menimbulkan kekeliruan dan kesalahfahaman di kalangan umat Islam itu sendiri sehingga ada yang tidak ragu-ragu untuk meletakkan ajaran Inayat Khan ini sebagai ajaran yang sah di sisi Islam. Oleh itu, artikel ini akan membincang secara ilmiah dan kritis tentang maksud dan perbincangan yang dijelaskan tentang istilah *sufism* dan *the Sufis* menurut Inayat Khan dan juga beberapa ulama Tasawuf Islam bagi merungkai kesalahfahaman tersebut.

Definisi Sufisme menurut Inayat Khan

Perkataan *sufism* pada pandangan masyarakat umum lazimnya, ia diertikan sebagai *al-tasawwuf* dalam Bahasa Arab atau tasawuf dalam Bahasa Melayu. Kamus DBP (1994) merujuk istilah *sufism* itu sebagai sufisme iaitu satu doktrin ahli ilmu suluk (tasawuf), dan tasawuf pula diertikan sebagai satu ajaran (usaha, jalan) untuk mengenal Tuhan dengan benar-benar dan mendekatkan diri dengan Tuhan. Maka, ilmu tasawuf dipanggil juga ilmu suluk, ilmu tarekat dan mistik. Suluk ialah jalan untuk mencapai kesempurnaan batin. Mistik pula diertikan sebagai suluk dan tasawuf (Kamus Bahasa Melayu Utusan 2002), atau ajaran dan kepercayaan tentang Tuhan dan kebenaran mutlak yang boleh dicapai melalui meditasi atau wawasan batin (Kamus Oxford Fajar 2001).

Menurut Inayat Khan (1973, jil.5), perkataan *sufism* itu telah diertikan dengan pelbagai definisi dan maksud. Pertama, beliau menyatakan bahawa *sufism* itu diambil daripada perkataan *safa* yang bermaksud suci dan bersih. Baginya, *sufism* adalah suci daripada kejahatan, kepercayaan karut, dogmatik, egotisme dan perkara-perkara yang fanatik, serta ia juga bebas daripada ikatan kasta, kepercayaan tertentu, bangsa, keturunan dan apa-apa jua perbezaan. Kesucian itu juga dijelaskan oleh Inayat Khan sebagai satu jiwa manusia yang suci daripada bendasing-bendasing kotor yang menutupinya. Oleh itu, *sufism* itu dilihat sebagai satu proses atau jalan untuk menganalisis diri bagi membuang segala sifat-sifat buruk yang menutupinya bagi mendapat jiwa yang bersih dan suci, sebagaimana kejadian asalnya yang telah diciptakan oleh Tuhan (Inayat 1977). Definisi kedua pula, Inayat Khan (1973, jil.8) menyifatkan *sufism* itu sebagai bukan agama baru atau mazhab baru, malah ia adalah mesej kepada kebebasan kerohanian (*spiritual liberty*) di mana ia tidak dimiliki oleh mana-mana agama atau bangsa tertentu di dunia ini. Oleh itu, Inayat Khan (1973, jil.5) sentiasa melabelkannya sebagai satu unsur kerohanian yang dimiliki oleh setiap manusia tanpa mengira batasan umur, keturunan, bangsa dan agama. Walau bagaimanapun, beliau tegaskan bahawa *sufism* itu perlu difahami disebalik (diluar jangkauan) daripada kata-kata Ahura Mazda, Ahriman, Jesus Christ, dan juga kata-kata dalam al-Quran dan Zend Avesta. Justeru itu, Inayat Khan (1914) menolak kata-kata sesetengah pendapat yang mengatakan bahawa *sufism* adalah berasal daripada agama Islam atau agama-agama tertentu di dunia ini. Namun begitu, beliau akui juga bahawa *sufism* itu mengandungi roh Islam dan jiwanya berasal daripada semua agama dan falsafah sebagaimana kata-katanya, "(Dakwaan) idea tasawuf muncul daripada Islam atau daripada mana-mana agama lain adalah tidak semestinya benar, tetapi ia betul juga sekiranya dikatakannya berasal daripada roh Islam dan intipati tulen daripada semua agama dan falsafah."

Kemudian, Inayat Khan menyatakan bahawa sumber *sufism* berasal daripada nilai-nilai perpaduan yang wujud dalam semua agama yang ada di dunia ini. Ekoran daripada keyakinan tersebut, Inayat Khan (1914) percaya bahawa *sufism* yang berada pada nilai-nilai perpaduan tersebut akan terus wujud dan terus tersebar serta berkembang sehinggalah kepada hari kiamat (Inayat 1973, jil.1).

Seterusnya, Inayat Khan mendefinisikan *sufism* itu juga sebagai satu pandangan dan cara hidup yang berubah atau perubahan yang berlainan dalam kehidupan (*a change of outlook on life*), sikap terhadap kehidupan (*an attitude toward life*) dan latihan pandangan (*a training of view*) (Graham 2001). Ia dilihat sebagai satu jalan yang dapat membawa manusia kepada kebebasan yang tidak terbatas dan mencapai hakikat kemanusiaan yang sebenar. Melalui jalan ini, seseorang manusia itu dipercayai dapat mencapai tiga kunci utama dalam konsep *sufism* iaitu cinta, keharmonian dan kecantikan (Risalah *the Sufi Movement* 2011). Oleh sebab itu, beliau menyifatkan *sufism* sebagai satu agama atau kepercayaan yang berkaitan dengan hati atau cinta (*the religion of the heart* atau *the religion of love*), keharmonian dan kecantikan dengan tujuan untuk mengembangkan jiwa manusia kepada kesedaran tentang wujudnya kecantikan pada setiap kejadian di muka bumi ini. Kemudian, Inayat Khan menjelaskan juga *sufism* sebagai satu hikmah ketuhanan (*divine wisdom*), yang mana ia dikatakan tidak mempunyai asal-usul dan sejarah kerana ia telah dikurniakan kepada setiap manusia secara semula jadi (Inayat 1973, jil.7). Oleh itu, *sufism* sentiasa digambarkannya sebagai satu jalan yang hanya bertujuan untuk membangkitkan jiwa manusia kepada jalan yang sudah tersurat (jalan kerohanian) buat mereka sejak azali lagi (Inayat 1973, jil.1 & 8)

Kemudian, Inayat Khan juga turut mendefinisikan *sufism* itu sebagai mistisisme (*mysticism*). Baginya, mistisisme bukanlah satu kepercayaan, iman, prinsip atau dogma sahaja, malah ia adalah aktiviti keagamaan yang diamalkan oleh sesetengah manusia seperti meditasi dan sembahyang dengan tujuan untuk mendapatkan pengetahuan dan kebenaran bagi mendekati diri kepada Tuhan. Beliau juga menyatakan bahawa ilmu mistik adalah asas utama kepada semua ilmu, pengetahuan, seni, sastera, falsafah dan agama kerana ilmu tersebut berasaskan intuisi atau naluri, jiwa dan hati manusia. Beliau mengutarakan buktinya pada binatang atau sesiapa sahaja yang tidak belajar ilmu perubatan, tetapi dapat mengubati dirinya atau kawannya ketika sakit secara semulajadinya. Contoh tersebut menunjukkan bahawa naluri semua makhluk adalah sumber kepada ilmu pengetahuan. Maka, Inayat Khan yakin bahawa intuisi itu adalah asas kepada kemunculan sesuatu ilmu di dunia ini. Dalam hal ini juga, Inayat Khan menggambarkan ahli mistik tersebut sebagai *seer*, iaitu mereka bukan sahaja mendengar dan melihat melalui telinga dan mata tetapi juga tanpa kedua-duanya. Menurutnya, ahli mistik ialah mereka yang mendengar lebih daripada orang lain dan juga melihat lebih daripada orang lain kerana mereka melihat dan mendengar melalui jiwa mereka. Semua itu dipercayai oleh Inayat Khan sebagai satu anugerah daripada Tuhan kepada mereka yang diberi kuasa untuk memahami rahsia kehidupan dengan lebih baik melalui dorongan hati yang dipercayainya sebagai satu perintah Tuhan. Justeru itu, Inayat Khan turut menyatakan bahawa mistisisme merupakan satu pandangan istimewa dan tersendiri pada kehidupan dunia kerana mereka dikatakan mampu melihat dunia yang nyata dan tidak nyata (Inayat 1961, jil.12).

Oleh itu, perkataan *sufism* telah didefinisikan dan dijelaskan oleh Inayat Khan dalam beberapa penjelasan yang terperinci seperti ia adalah sesuatu ajaran yang suci dan bersih daripada kejahilan, kepercayaan karut, dogmatik, bebas daripada ikatan kasta, kepercayaan, bangsa, keturunan dan apa-apa jua perbezaan yang membezakannya. Ia disifatkannya sebagai satu mesej kepada kebebasan kerohanian (*spiritual liberty*) di mana ia tidak dimiliki oleh mana-mana agama atau bangsa tertentu di dunia ini, malah ia merupakan satu pandangan dan cara hidup yang berubah untuk membawa manusia kepada kebebasan yang tidak terbatas dan mencapai hakikat kemanusiaan yang sebenar (Inayat 1973, jil.1). Secara kesimpulannya dapat dinyatakan bahawa Inayat Khan menyifatkan *sufism* itu sebagai suatu unsur kerohanian yang dikurniakan oleh Tuhan

kepada manusia secara azali lagi dan ia melangkaui semua aspek batasan yang menghalanginya kerana ia adalah mesej ketuhanan.

Berdasarkan kepada perbincangan ini, maka perkataan *sufism* dalam ajaran *Universal Sufism* mempunyai makna dan penjelasannya yang tersendiri kerana Inayat Khan melihat dengan pandangan dan kefahamannya yang berbeza. Manakala daripada sudut Tasawuf Islam, perkataan tasawuf telah didefinisikan dengan banyak takrifan sama ada daripada sudut bahasa atau istilah. Daripada aspek bahasa, ia diertikan dengan pelbagai takrifan seperti *ṣūf* (صوف) bererti bulu, *al-ṣaff* (الصف) yang bermakna *ṣaf* atau barisan, *ṣufī* (صوفي) yang bererti membersihkan hati sanubari dan jiwa nurani, *ahl al-ṣuffah* (أهل الصفّة) iaitu para Sahabat Nabi yang terdiri daripada kalangan orang-orang Muhajirin dan Ansar yang tidak mempunyai waris dan kaum kerabat serta miskin, *sufiā* (سوفيا) yang bermaksud hikmah dan lain-lain lagi. Manakala daripada aspek istilah, ia dilihat sebagai satu jalan yang dilalui oleh sesiapa sahaja yang membekalkan akhlak yang terpuji (Al-Sullamī 1969), satu kaedah atau jalan untuk membimbing manusia bagi menghampirkan dirinya kepada Allah dengan sebaik-baiknya melalui proses penyucian jiwa dan amal ibadat yang banyak, ilmu dan amalan yang Allah bersihkan hati para pengamalannya sehingga bersinarlah hati itu dengan cahaya makrifat (Al-Sullamī 1969) dan jalan yang dilalui oleh seseorang manusia yang tidak memiliki sesuatu dan juga tidak dimiliki oleh sesuatu (Al-Zarkalī 1969). Di samping itu, ia juga didefinisikan sebagai ihsan, iaitu mengamalkan shariah pada *maqām* ihsan (Al-Attas 1981). Maka, semua pengertian tersebut menggambarkan bahawa tasawuf (*sufism*) adalah satu istilah yang mempunyai sumber ambilannya dan ia juga melibatkan proses penyucian jiwa, hidup berzuhud, berakhlak dengan akhlak yang mulia, banyak amal ibadat kepada Allah, dan semua itu (melaksanakan *'ubūdiyyah* sebagai seorang makhluk kepada Allah s.w.t.) dilakukan sehingga mencapai tahap sempurna atau ihsan.

Maka, berdasarkan penjelasan di atas dapat dinyatakan dengan jelas bahawa istilah *sufism* atau tasawuf dalam ajaran Inayat Khan dan Tasawuf Islam didefinisikan dengan maksud yang berbeza dan berlainan. Ajaran Inayat Khan melihat *sufism* sebagai satu istilah yang mempunyai pengertian kerohanian yang sangat luas dalam kehidupan manusia, melangkaui sebarang perbezaan yang membatasinya, yang mana ia bersifat umum tanpa dimiliki oleh mana-mana agama kerana ia diyakini telah dikurniakan secara semulajadi kepada manusia. Walhal, perkataan tasawuf itu pada hakikatnya perlu difahami dengan pemahaman menerusi Tasawuf Islam kerana padanya, terdapat asal usul terbitnya istilah tersebut seperti *ṣūf* (صوف), *al-ṣaff* (الصف) dan *ṣufī* (صوفي). Dan semua asal usul terbit istilah tasawuf itu diperselisihkan dengan pelbagai pandangan daripada sarjana dan ulama Islam, dan hal ini membuktikan bahawa istilah tersebut sememangnya berasal daripada dunia Islam secara jelas (Al-Qusyairī 1972; Ibn Khaldūn t.th.).

Tambahan lagi, tasawuf adalah ilmu dan amalan kerohanian yang berada dalam skop keislamannya yang tersendiri. Agama Islam yang melahir dan menyuburkan unsur-unsur kerohanian tersebut, dan bukanlah ia berdiri dengan sendirinya tanpa sebarang ikatan agama dan kepercayaan (tanpa sebarang asal-usul). Ia telah dibuktikan dengan sumber pengambilan ilmu dan amalan ahli tasawuf daripada al-Quran dan Sunnah Nabi s.a.w. secara menyeluruh. Justeru itu, tasawuf yang didefinisikan dalam Tasawuf Islam, dengan pengertian ihsan secara khususnya adalah definisi yang tepat baginya kerana tasawuf itu sebenarnya merupakan pencapaian martabat ihsan yang merupakan jiwa agama Islam, di mana ia adalah satu dari tiga tunggak utama agama. Oleh yang demikian, istilah *sufism* yang digunakan dalam ajaran Inayat Khan itu adalah satu istilah yang hanya dipinjam daripada Tasawuf Islam dan kemudiannya, istilah tersebut direka definisinya dan disesuaikan maknanya mengikut konsep dan objektif ajaran kerohaniannya. Ini bermakna, *sufism* (*sufisme*) atau tasawuf adalah istilah yang diguna pakai secara sah pada ilmu dan amalan kerohanian Islam sejak dari dulu, kini dan akan datang (Al-Taftāzāni 1976; Kandahlawī 1978).

Definisi Ahli Tasawuf (*The Sufis*) menurut Inayat Khan

Bagi orang yang mengikuti jalan kerohanian itu, Inayat Khan memanggil mereka sebagai ahli Sufi (*the Sufis*). Gelaran tersebut mengikut pandangannya tidak terhad kepada para pengikutnya sahaja, tetapi dipercayai perlu diletakkan kepada sesiapa sahaja yang mempercayai Tuhan sebagai Yang Maha Mutlak dan juga percaya bahawa semua ciptaan alam ini adalah daripada Tuhan (Inayat 1973, jil.5). Justeru itu, beliau menyifatkan ahli Sufi itu sebagai sesiapa sahaja yang mencari hakikat kebenaran dan sentiasa berusaha untuk memahami hakikat kehidupannya ataupun dia percaya bahawa terdapat juga ramai orang yang berusaha untuk memahami perkara yang sama sebagaimana dirinya. Manakala bagi mereka yang tidak dapat menerima bahawa orang lain mempunyai kebenaran yang sama sepertinya, maka Inayat Khan menyelar tindakan mereka tersebut dan mengatakannya sebagai perbuatan yang menolak satu perkara yang tidak terbatas. Baginya, tujuan sebenar ahli Sufi mencari hakikat kebenaran adalah untuk mengetahui siapa dirinya yang sebenar atau dipanggil 'realisasi diri'. Ini disebabkan kerana beliau percaya bahawa setiap manusia terdiri daripada sifat baik dan buruk atau mempunyai sifat kemanusiaan dan juga sifat kehaiwanan. Maka, setiap manusia perlu berusaha untuk membebaskan dirinya daripada sifat binatang dan kekal kepada sifat manusia kerana pada sifat manusia itulah, dia akan menemui dirinya sendiri (Inayat 1997). Kemudian, Inayat Khan juga menyatakan ahli Sufi itu adalah mereka yang berada jauh daripada sebarang sempadan yang menghalanginya di mana sekiranya mereka menyembah berhala atau patung, beliau tetap menegaskan bahawa mereka tidak menjadi kafir atau murtad kerana mereka menyembah Tuhan yang sebenar di sebalik patung tersebut (Inayat 1973, jil.8).

Kemudian, Inayat Khan menyempitkan sedikit definisinya mengenai ahli Sufi dengan menyatakan bahawa mereka juga adalah orang yang mendapat latihan kerohanian daripada nabi-nabi dan pemimpin-pemimpin terdahulu. Menurutnya, latihan tersebut telah diperturunkan kepada para Sahabah, Tabiin, Tabi'-tabiin, para wali dan para pewarisnya yang dikenali sebagai Pir-O-Murshid Shaikh. Semua mereka dipercayai mempunyai ikatan kerohanian yang kuat dan ia lebih dikenali sebagai 'cahaya ketuhanan' (*divine illumination*) (Inayat 1973, jil.1 & 5).

Secara umumnya, dapat dinyatakan bahawa gelaran ahli Sufi telah diberikan oleh Inayat Khan kepada setiap pengikut ajarannya. Beliau mendefinisikannya sebagai sesiapa sahaja yang mempercayai Tuhan sebagai Yang Maha Mutlak dan juga percaya bahawa semua ciptaan alam ini adalah daripada Diri Tuhan sendiri (Inayat 1973, jil.5), sesiapa sahaja yang mencari kebenaran sejati, sesiapa sahaja yang cuba memahami hakikat kehidupan dan sesiapa sahaja yang rela untuk mempercayai bahawa setiap manusia di dunia ini mencari dan mampu mencapai kebenaran yang sama sebagaimana dirinya (Inayat 1973, jil.5) walaupun melangkaui sebarang agama dan kepercayaan, dan ini tidak menjadikannya kafir atau murtad, bahkan beliau menyifatkan kedudukan ahli Sufi itu pada hakikatnya melangkaui daripada semua sempadan tersebut. Maka, Inayat Khan menegaskan dalam bukunya *the Sufi Message of Hazrat Inayat Khan* (1973, jil.8) bahawa ahli Sufi tersebut tidak perlu terikat dengan sebarang nama, label atau perbezaan, malah digunakannya nama Sufi itu sempena daripada perkataan Arab, *ṣāf* yang bermaksud suci, iaitu suci dan bebas daripada sebarang perbezaan. Ini bermakna, Inayat Khan juga memberi gelaran tersebut kepada sesiapa sahaja yang mencari kebenaran tanpa merujuk kepada ciri-ciri khusus atau aspek-aspek tertentu.

Panggilan *the Sufis* atau ahli Sufi dalam ajaran *Universal Sufism* dan Tasawuf Islam adalah sangat berbeza penggunaannya. Dengan kata lain, ajaran Inayat Khan dan Tasawuf Islam mengguna pakai gelaran yang sama kepada mereka yang terlibat dengan amalan kerohanian masing-masing, walaupun pada hakikatnya istilah tersebut dilihat dengan pandangan dan kefahaman yang sangat berbeza. Dalam Tasawuf Islam, ahli Sufi tidak digunakan secara sembarangan kerana mereka mempunyai kedudukan yang sangat tinggi di sisi Allah berdasarkan ciri-ciri khusus seperti jiwanya suci, akhlak yang sangat terpuji dan lain-lain lagi. Ahli Sufi itu dilihat sebagai ahli tasawuf atau ahli

suluk (Kamu DBP 1994), atau pengembara di jalan Allah dalam bentuk yang khusus (Al-Ghazālī 1979), atau mereka yang mengabdikan diri dan beribadat kepada Allah dengan bersungguh-sungguh (Zākī Mubārak 1937), atau orang yang membersihkan hati sanubari dan jiwa nurani terhadap Allah (Al-Syak'ah 1996) dan orang yang mempunyai kejernihan dan keheningan hati kepada Allah (Nicholson 1951). Di samping itu, Ibn Taymiyah (2006) juga menyatakan ahli Sufi itu adalah golongan yang berusaha bersungguh-sungguh melakukan ketaatan kepada Allah Taala. Abdul Qadīr (1980) menyatakan juga bahawa ahli Sufi itu adalah orang yang mempunyai hati yang suci dan interaksinya hanya kepada Allah sahaja. Begitu juga dengan al-Tusī (1960) yang meletakkan ahli Sufi sebagai mereka yang berkecimpung dalam ilmu dan amalan tasawuf secara bersungguh-sungguh dan berjaya menghimpunkan antara syariat, makrifat dan hakikat. Ini disebabkan kerana beliau melihat ahli Sufi itu adalah orang-orang yang sememangnya telah dipilih oleh Allah dalam kalangan para makhluknya untuk memikul amanatnya di muka bumi ini. Mereka itu adalah orang-orang yang memutuskan pergantungan hidup pada makhluk, mematikan hawa nafsu dengan *mujāhadah*, *riyāḍah*, *munāzalah* dan sebagainya lagi. Justeru itu, beliau umpamakan mereka itu seperti gudang simpanan rahsia dan ilmu Allah, hamba-hamba yang sangat ikhlas, para walinya yang bertakwa, para kekasih Allah yang soleh, orang-orang yang sentiasa berlumba dalam melakukan kebaikan dan orang-orang yang Allah sinari mata hatinya dengan makrifat pada Allah kerana anggota badan mereka dihiasi dengan pengabdian kepadanya dan lidah mereka pula dilazimi dengan zikir-zikir kepada Allah. Begitu juga dengan pendapat Al-Ghazālī (1979) yang menyatakan ahli Sufi adalah mereka yang memahami dan mempunyai pengalaman-pengalaman ilmu dan amalan tasawuf. Oleh itu, ahli Sufi adalah panggilan, gelaran dan sebutan khusus kepada kelompok Muslim yang sangat taat beribadat kepada Allah, mereka yang sangat dekat dengan Allah dan mencapai martabat yang sangat tinggi dalam ilmu dan amalan Tasawuf Islam.

Justeru itu, Tasawuf Islam tidak terus memanggil orang yang terlibat dengan amalan-amalan kerohanian secara serius dengan panggilan ahli Sufi, malah mereka digelar terlebih dahulu sebagai murid dan salik. Begitu juga sejarah Tasawuf Islam telah menyaksikan banyak orang Islam yang layak digelar ahli Sufi tidak dipanggil sedemikian, malah mereka lebih selesa dipanggil sebagai ahli ibadah, ahli zuhud, hamba Allah dan sebagainya lagi kerana ketinggian pandangan dan penghormatan mereka pada gelaran tersebut (al-Ghazālī 1979; al-Tusī 1960).

Bagi ajaran Inayat Khan yang mengguna pakai gelaran tersebut secara sembarangan adalah tidak tepat penggunaannya kerana ia tidak menggambarkan apa-apa sifat yang istimewa kecuali sedikit gambaran umum dan rekaan yang diberikan oleh Inayat Khan untuk menunjukkan kesejagatan yang disesuaikan dengan ajarannya, terutama penggunaan istilah Sufi yang dikatakan telah diambil daripada perkataan *ṣāf*, adalah sesuatu penggunaan yang menyeleweng daripada maksud asal perkataan tersebut. Daripada sudut metode penyebarannya, gelaran tersebut adalah salah satu kaedah daripada Inayat Khan untuk menarik minat masyarakat luar untuk mengikuti ajarannya. Ini disebabkan kerana para pengikutnya merasa sangat bangga dan gembira menggelarkan diri mereka sebagai ahli Sufi (*the Sufis*), yang mana mereka sifatkan diri mereka sebagai pencari kebenaran dan pencinta kepada keharmonian serta perpaduan antara manusia. Dalam hal ini, ia bertepatan dengan apa yang digambarkan oleh al-Tusī (1960) bahawa mereka itu adalah orang yang menyerupai ahli Sufi sahaja atau ahli Sufi luaran (Ibn Taymiyah 2006) kerana mereka bukanlah pakar dalam bidang kerohanian yang sebenar (Al-Tusī 1960), malah mereka hanya mematuhi adab-adab amalan kerohanian yang direka cipta sendiri (Ibn Taymiyah 2006) oleh Inayat Khan. Kemudian, Ibn Taymiyah (2006) menyifatkan orang sebegini adalah orang yang jahil kerana menyangka termasuk ke dalam golongan ahli-ahli Sufi, padahal mereka tersimpang jauh daripada golongan ahli Sufi yang sebenar. Begitu juga yang disifatkan oleh Ibn al-Jawzī (1987) bahawa orang sebegini adalah orang yang berada dalam kejahilan dan kesesatan. Maka, keterangan-keterangan tersebut secara langsungnya telah menolak kefahaman Inayat Khan dalam mengguna pakai gelaran ahli Sufi kepada para pengikutnya dan kepada sesiapa sahaja yang mencari kebenaran. Oleh itu, gelaran ahli Sufi dalam ajaran Inayat Khan ini adalah tidak tepat

penggunaannya, dan ini juga secara tak langsung menunjukkan ia diambil daripada Tasawuf Islam sebagaimana juga perkataan sufisme atau tasawuf.

Penutup

Sepanjang perbincangan ini dibuat, ternyata Inayat Khan menggunakan istilah sufisme (*sufism* dan) ahli Sufi (*the Sufis*) dalam skop definisi dan penjelasannya yang tersendiri, di mana ia tidak terikat dengan mana-mana agama, bangsa, negara dan keturunan. Definisinya tersebut berada dalam lingkungan kefahaman yang dicipta bersesuaian dengan objektif dan matlamat penubuhan ajaran kerohaniannya, malah ia sebenarnya bertentangan dengan kefahaman yang diterima oleh masyarakat umum khususnya umat Islam. Ini disebabkan kerana beliau hendak menjangkau pemikiran tasawuf dan falsafah tetapi mungkin tiada menguasai perbendaharaan istilah-istilah tersebut dalam skopnya yang sebenar, lantas beliau mencipta kefahaman dan penjelasannya yang tersendiri. Oleh itu, muncullah pelbagai perkataan yang mempunyai maksud yang berbeza dan mengelirukan seperti *sufism* dan *the Sufis*. Hal ini berbeza dengan Tasawuf Islam yang secara jelasnya mempunyai kata dasar dan sejarah perbincangan ilmiah tentang maksud, tafsiran dan kefahaman mengenai satu-satu istilah terutama perkataan sufisme dan ahli Sufi. Dan kefahaman tersebut pada lazimnya terikat dengan kandungan al-Quran dan juga Sunnah Rasulullah s.a.w. Secara kesimpulannya, istilah sufisme (*sufism*) dan ahli Sufi (*the Sufis*) yang digunakan dalam ajaran Inayat Khan itu adalah istilah yang diambil daripada Tasawuf Islam dengan menggunakan maksud dan definisinya yang tersendiri, yang mana ia secara jelas dan tidak langsung juga menunjukkan ajaran Inayat Khan ini tiada perkaitan dengan Tasawuf Islam dan juga agama Islam.

Rujukan

- Al-Attas, Syed Muhammad Naquib. 1981. *The Positive Aspects of Tasawuf*. Kuala Lumpur: Art Printing Works Sdn. Bhd.
- Geaves, Ron, Dressler, Markus & GrittKlinkhammer. 2009. *Sufis in Western Society; Global Networking and Locality*. London: Routledge Taylor & Francis Group.
- 'Abd. Qādir 'Isā. 1980. *Ḥaḳīqah al-Taṣawwuf*. Amman: Waṭāniyyah.
- Al-Ghazālī, Abū Ḥāmid Muḥammad ibn Muḥammad. 1979. *Al-Munqiz min al-Dalāl*. Abd. al-Halim Mahmud (pnyt.). Beirut: Dār al-Kitāb al-Lubnānī.
- Ibn Khaldūn. t.th. *Al-Muqaddimah*. Kaherah: Dār al-Sya'bi.
- Ibn al-Jawzī. 1987. *Talbīs 'Iblīs*. Beirut: Dārul Kitāb al-'Arābī.
- Ibn Taimiyyah. 2006. *Fiqh Tasawuf*. Terj. Basri bin Ibrahim. Johor: Perniagaan Jahabersa
- Al-Kandahlawī, al-Shaykh Muḥammad Zakariyā. 1978. *Al-Shari'ah wa al-Ṭarīqah*. Mesir: Dār al-Rashīd.
- Khan, Inayat. 1914. *A Sufi Message of Spiritual Liberty*. London: The Theosophical Publishing Society.
- Khan, Inayat. 1961. *The Sufi Message of Hazrat Inayat Khan*. Barrie & Rockliff (pnyt.). Jil.12. Geneva: International Headquarters of the Sufi Movement.
- Khan, Inayat. 1977. *The Soul Whence and Whither*. New York: Sufi Order Publications.
- Khan, Inayat. 1973. *The Sufi Message of Hazrat Inayat Khan*. Barrie & Jenkins (pnyt.). Jil.1,5,7,8. Geneva: International Headquarters of the Sufi Movement.
- Khan, Inayat. 1997. *Kehidupan Spiritual*. Terj. Imron Rosjadi. Yogyakarta: Pustaka Sufi.
- Nicholson, Reynold A. 1951. *Al-Ṣufiyyah fī al-Islām*. Terj. Nurudin Syaribah. Kaherah: t.tp.
- Oxford Fajar (Advanced Learner's English-Malay Dictionary)*. 2001. Selangor: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.

- Al-Qusyayrī, Abū al-Qāsim Abdul Karīm bin Hawāzin. 1972. *Al-Risālah al-Qusyayriyyah*. Abd al-Ḥalīm Maḥmūd dan Maḥmūd bin al-Sharīf (pnyt.).Jil.1 & 2. Kaherah: Dār al-Kutub al-Ḥadīthah.
- Sidang Editor DBP. 1994. Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka. Ed. ke-3. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa danPustaka.
- Al-Syak'ah, Muṣṭafā. 1996. *Islām bilā Mazāhib*. Kaherah Dārul Masriyyah al-Lubnāniyyah.
- Al-Sullamī, Abū 'Abd.Raḥmān. 1969. *Ṭabaqāt al-Sufiyyah*. Nūr al-Dīn Syaribah Al-Ḥalābī (pnyt.). t.tp.:t.pt.
- Risalah *the Sufi Movement*. 2011.Netherlands: Den Haag.
- Al-Taftāzanī, Abū al-Wafā' al-Ghanīmī. 1976. *Madkhal ilā al-Taṣawwuf al-Islāmī*. Kaherah: Dār al-Ṭawafah.
- Al-Tusī, Naṣr al Sarraj.1960. *Al-Luma'*. Mesir: Dār al-Kutub al-Ḥadīthah.
- Webb, Gisela. 2006. Third Wave Sufism in America and the Bawa Muhaiyaddeen Fellowship. Dalam Jamal Malik & John Hinnels (Edtr.). *Sufism in the West*. Hlm. 86-114. London: Routledge Taylor & Francis Group.
- Witteveen, H.J. 1997. *Universal Sufism*. Britain: Element Book Ltd.
- Zainal Abidin Safarwan (Pysn). *Kamus Besar Bahasa Melayu Utusan* .2002. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Al-Zarkali, Khairuddin.1969. *Al-'Ilam*. Beirut: t.pt.